

Isu kelulusan tanah projek itu di Selangor

ECRL: Azmin perlu lebih peka

Oleh MOHD. RAFIE AZIMI
rafie.azimi@utusan.com.my

■ ALOR SETAR 2 MAC

ISU kelulusan permohonan tanah untuk pembangunan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) antara pemilik projek, Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL) dengan kerajaan negeri Selangor mampu dielak sekiranya Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali mengambil sikap lebih bertanggungjawab dengan menghadiri sendiri mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN).

Pengerusi Barisan Nasional (BN) Selangor, Tan Sri Noh Omar berkata, selama ini Mohamed Azmin kerap menghantar wakil terdiri daripada Exco negeri sedangkan kalangan menteri besar negeri lain tidak mempunyai masalah untuk hadir dan berkongsi pandangan.

"Seingat saya, cuma sekali saja Mohamed Azmin hadir ke mesyuarat tersebut dan selebihnya beliau diwakili Exco. Sebab itu selalu terjadi masalah di mana individu yang menghadiri mesyuarat adalah orang lain manakala 'kepala' yang membuat kenyataan pula orang lain.

"Mustahil kerajaan negeri Selangor tak tahu tentang projek ini kerana perkara tersebut telah dibangkitkan dalam mesyuarat MPFN yang dihadiri Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandarnya, Datuk Iskandar Abdul Samad. Malah pada masa itu kami diberitahu yang kerajaan negeri akan memberi kerjasama bagi melaksanakan projek tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar ketika mengadakan lawatan kerja ke Rancangan Perumahan Awam (RPA) Seri Gemilang dekat sini, hari ini.

Hadir sama Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah



NOH OMAR dan Ahmad Bashah Md. Hanipah ketika melawat kawasan Rancangan Perumahan Awam Seri Gemilang di Mergong, Kedah, semalam. - UTUSAN/ISMAIL KAMADIN

Ini yang berlaku apabila kerajaan Persekutuan dipimpin BN sementara negeri pula dikuasai oleh pakatan pembangkang caca-marba.

NOH OMAR
Pengerusi BN Selangor

Md. Hanipah; Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Bekalan dan Sumber Air serta Tenaga negeri, Datuk Badrol Hisham Hashim serta Pengerusi Jawatankuasa Agama, Pelancongan dan Warisan dan Kerja Raya negeri, Datuk Mohd. Rawi Abd. Hamid.

Ketua Pembinaan Infrastruktur MRL, Noor Azlan Salleh baru-baru ini mendedahkan bahawa kerajaan negeri Selangor masih

belum meluluskan permohonan tanah untuk pembangunan projek tersebut biarpun syarikat itu sudah banyak kali berhubung dengan beberapa pihak termasuk di peringkat tertinggi.

Situasi itu berbeza dengan keadaan di Pahang, Kelantan dan Terengganu di mana kerajaan negeri masing-masing sudah pun memberi kelulusan sebaliknya Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan, Industri Kecil dan Sederhana dan Pengangkutan Selangor, Datuk Teng Chang Khim semalam menafikan kerajaan Selangor pernah menerima permohonan tersebut.

Mengulas lanjut Noh berkata, segala yang berlaku itu merupakan sebahagian daripada kesan terpaksa ditanggung apabila Pakatan Harapan yang diketuai DAP dibenarkan memerintah sesebuah negeri.

"Ini yang berlaku apabila kerajaan Persekutuan dipimpin BN sementara negeri pula diku-

sai oleh pakatan pembangkang caca-marba. Bukan isu ECRL saja malah banyak lagi konflik lain yang timbul termasuklah isu air yang mana mereka kutip duit tetapi tidak bayar kepada kerajaan Persekutuan.

"Projek di bawah kementerian saya pun sama sehingga menyebabkan kami hendak buat dewan dan landskap pun susah. Duit kita hendak keluarkan untuk rakyat tetapi apabila tiada penyelarasan, begitulah jadinya dan perkara itu jauh berbeza dengan situasi di negeri-negeri dipimpin BN termasuk Kedah yang mana apabila kita beri sahaja peruntukan, terus boleh buat semua dengan segera," katanya.

Dalam lawatan itu beliau turut mengumumkan peruntukan berjumlah hampir RM3 juta untuk kerja-kerja mengindahkan dan memperbaiki kerosakan selain pembinaan tadika serta gelanggang futsal berbumbung untuk kegunaan penduduk di RPA berkenaan.